

17 OCT 1999

Sukan-F1 (SIC)

FIA PUJI MALAYSIA ANJUR FORMULA SATU DENGAN BAIK

SEPANG, 17 Okt (Bernama) -- Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) memuji keupayaan Malaysia menganjurkan perlumbaan sulung Grand Prix Formula Satu Dunia yang berakhir di Litar F1 Sepang di sini hari ini.

Pengurus Besar Sepang International Circuit (SIC) Hussin Mohd Ali berkata penghargaan itu diluahkan oleh Pengarah Perlumbaan (Race Director) FIA Charlie Whiting yang menyimpulkan bahawa Malaysia adalah antara penganjur terbaik.

"Whiting memuji keupayaan kita (Malaysia) kerana jika di bandingkan di Argentina dan Brazil, mereka mengambil masa lima tahun untuk menjadi penganjur seperti Malaysia," katanya selepas perlumbaan Grand Prix Petronas Malaysia di sini hari ini.

Katanya kejayaan itu juga mendapat pujian daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyatakan negara-negara luar semakin mengakui keupayaan Malaysia.

Hussin berkata walaupun terdapat beberapa masalah seperti yang melibatkan marshal tempatan, ianya tidak menjejaskan kelancaran penganjuran perlumbaan itu.

Beliau berkata sambutan orang ramai terhadap perlumbaan yang julung kali diadakand di negara ini juga amat menggalakkan walaupun penjualan tiket sebelum ini agak lembap.

Beliau berkata lebih kurang RM40 juta berjaya diperolehi daripada penjualan tiket manakala sejumlah RM30 juta daripada penajaan.

"Anggaran penonton hari ini ialah hampir 80,000. Untuk tempat duduk utama (grandstand), sebanyak 32,275 penonton dan dari jumlah itu ialah orang luar (foreigner)," katanya.

Hussin berkata penganjuran perlumbaan itu juga memenuhi matlamat utamanya untuk memperkenalkan Malaysia kepada rakyat asing sekaligus membantu pelancongan negara.

"Tugas ini akan lebih berat lagi tahun depan kerana kita telah berjaya menganjurkan perlumbaan itu dengan agak baik dan semua pihak menjangkakan kita akan lebih baik lagi. Kita akan pastikan ianya lebih berjaya tahun depan," katanya.

-- BERNAMA

ERE FAZ